

Main sambil belajar: konsep dan pelaksanaan

ABSTRACT

Mendidik bukanlah satu perkara yang mudah. Proses pendidikan hendaklah bermula di peringkat awal kanak-kanak. Abdul Nasih (1988) menjelaskan bagaimana seorang penyair Arab pernah menekankan di dalam penulisannya bahawa pembentukan adab kepada kanak-kanak akan menjadi lebih berkesan semasa "rantingnya", tetapi jika sudah menjadi "kayu" pembentukan adab akan menjadi sukar. Keadaan ini samalah seperti pepatah Melayu yang berbunyi "Melentur buluh biarlah dari rebungunya". Pendidikan atau pembentukan adab atau ta'dib adalah meliputi akhlak dan juga pengetahuan. Imam al-Ghazali menghuraikan pendidikan sebagai satu proses memperolehi ilmu pengetahuan dan juga pembentukan tingkah laku melalui satu proses pembelajaran. Proses pembelajaran ini pula akan meliputi matlamat, kurikulum dan juga metodologi.